

UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA/EKONOMI

SIARAN MEDIA

FOKUS PENYIASATAN MyCC TERHADAP INDUSTRI AYAM

KUALA LUMPUR, 29 APRIL 2022 – Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) memandang serius kenyataan yang dilaporkan oleh pelbagai saluran media baru-baru ini mengenai siasatan terhadap industri ayam. Daripada laporan tersebut, terdapat spekulasi mengenai maklumat yang tidak tepat dan mengelirukan berhubung perkara ini.

Sepertimana yang diumumkan dalam beberapa kenyataan akhbar yang dikeluarkan oleh MyCC antara Februari dan April tahun ini, MyCC ingin menegaskan bahawa siasatan berkaitan perkara ini sedang berjalan lancar dan kini hanya menumpukan kepada sekumpulan pemain dalam industri ayam di mana tingkah laku mereka mungkin menimbulkan isu persaingan tertentu di bawah Seksyen 4 Akta Persaingan 2010. Anggapan bahawa MyCC sedang menyiasat ahli politik tertentu adalah spekulasi semata-mata.

Terdapat juga kekeliruan di kalangan orang ramai mengenai definisi 'kartel' di bawah Akta Persaingan 2010. Sebuah kartel dibentuk melalui perjanjian sulit antara pesaing-pesaing dalam pasaran yang sama. Sehubungan itu, sebelum mana-mana kartel boleh dibentuk, perlu ada sekurang-kurangnya dua pesaing yang bersetuju untuk bersekongkol antara satu sama lain untuk tidak bersaing dalam pasaran berkaitan. Biasanya, kumpulan pesaing ini telah bersetuju, antara lain, untuk menetapkan harga produk mereka pada harga yang sama, atau membahagikan pasaran mereka, atau mengehadkan pengeluaran mereka.

Ingin dijelaskan bahawa kartel bukanlah monopoli dan begitu juga sebaliknya. Monopoli adalah satu perusahaan yang mempunyai kawalan sepenuhnya dalam sesuatu pasaran produk atau perkhidmatan. Jika terdapat lebih daripada seorang pemain dalam pasaran tersebut, satu atau lebih daripada satu perusahaan boleh berada dalam kedudukan dominan jika mereka memegang lebih kurang 60% pasaran. Oleh itu, percubaan untuk menyamakan kartel dan monopoli sebagai satu konsep yang sama adalah salah sama sekali.



Konsep *integrator* pula merupakan satu istilah yang sering dikaitkan dengan kartel dan ini tidak tepat. *Integrator* merupakan pemain yang terlibat dalam pasaran huluan, pertengahan dan hiliran industri yang bermula daripada pembuatan dan pengeluaran kepada pemborongan dan kemudianya ke runcit. Kewujudan *integrator* dalam industri tidak bermakna mereka adalah monopoli atau dominan. Malah, konsep *integrator* merupakan satu amalan yang biasa dalam pasaran perniagaan. Terdapat banyak syarikat di Malaysia yang memilih konsep ini dalam menjalankan perniagaan mereka atas sebab kecekapan kos, yang akhirnya memberi manfaat kepada pengguna.

“Kami berharap orang ramai dan rakan-rakan media memahami kerumitan penyiasatan kami yang melibatkan ramai pemain dalam rantaian bekalan yang luas dengan pelbagai subsektor. Penyiasatan yang teliti dan terperinci diperlukan dan ia mungkin mengambil masa. Pada masa yang sama, kami ingin mengulangi sekali lagi bahawa siasatan kami sedang berjalan lancar. Kami juga telah mendapat kerjasama yang padu daripada pihak tertentu. Kami menggalakkan pihak yang merasakan mereka terlibat dalam amalan kartel dalam industri ayam untuk datang ke MyCC untuk memohon kelonggaran di bawah Seksyen 41 Akta Persaingan 2010 sebelum mereka disiasat”, kata Iskandar Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC.

Adalah diharapkan spekulasi oleh mana-mana pihak mengenai perkara ini dapat dihentikan bagi mengelakkan sebarang gangguan terhadap penyiasatan MyCC dan kekeliruan di kalangan orang ramai. Integriti penyiasatan kami haruslah sentiasa dipelihara dan berdasarkan rekod prestasi kami dalam mengendalikan kes-kes kartel, seperti kes Ro-Ro Langkawi, kes pengusaha operator gudang, PIAM dan 22 anggotanya antara lain - kami akan memastikan isu ini disiasat sedalam-dalamnya. MyCC tidak akan teragak-agak untuk mengenakan tindakan tegas dan penalti kewangan maksimum sehingga 10% daripada pusing ganti seluruh dunia termasuk pengenaan arahan tertentu yang MyCC anggap wajar.

Perusahaan, pihak berkepentingan yang berkaitan dan orang ramai digalakkan untuk tampil ke hadapan dalam membantu MyCC dengan penyiasatannya. Pihak yang berminat dinasihatkan untuk menghubungi MyCC melalui telefon di 03-2273 2277 (IED) atau emel di complaints@mycc.gov.my.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Bahagian Komunikasi dan Advokasi

Telefon Bimbit: +6019 215 2273

Emel: cadmycc@mycc.gov.my

Mengenai Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Ditubuhkan pada April 2011, Suruhanjaya Persaingan ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunakan kepada semua aktiviti komersial yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

MyCC telah menyambut ulangtahun yang ke-10 pada 1 April 2021 dan seterusnya turut membuat pelancaran pengenalan penjenamaan semula logo demi meningkatkan identiti korporat. Logo ini menerap semangat dan jiwa organisasi di samping memperkuuhkan kekuatan dan etika bekerja. Simbolik corak kupu-kupu secara global dikenali sebagai lambang ketahanan, perubahan, harapan dan kehidupan. Penjenamaan baru ini juga menonjolkan kesederhanaan yang halus yang melambangkan perubahan dan kematangan MyCC yang tersendiri.

Maklumat lanjut mengenai MyCC, layari laman sesawang www.mycc.gov.my.